

29 AUG 2003

Doa-Merdeka

RAKYAT MALAYSIA DOAKAN KESEJAHTERAAN UMAT ISLAM DOAKAN

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Seramai 5,000 umat Islam yang hadir pada khutbah dan sembahyang Jumaat di Masjid Negara termasuk Yang di-Pertuan Agong dan pemimpin negara mendoakan kesejahteraan negara dan perpaduan kaum sempena perayaan Bulan Kemerdekaan ke 46.

Doa itu dibacakan Imam Besar Masjid Negara, Wan Halim Wan Harun yang turut mengimamkan sembahyang Jumaat dan membaca khutbah khas Jumaat sempena perayaan Bulan Kemerdekaan.

Dalam doa itu, beliau memohon kepada Allah supaya dilindungi negara ini kerana ia merupakan tempat rakyat mencari rezeki.

"Kau peliharalah perpaduan kaum yang telah kami nikmati untuk sekian lamanya demi kepentingan negara. Walaupun kami terdiri daripada masyarakat berbilang kaum namun kami gembira kerana dapat hidup dalam keadaan aman, damai dan saling hormat menghormati," katanya.

Sembahyang Jumaat itu dihadiri Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Turut hadir, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishamuddin Tun Hussein, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin dan Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid.

Terdahulu pada khutbah khas Jumaat, Wan Halim berkata Islam dan kemerdekaan bergerak seiring dalam mengukuhkan perpaduan di antara kaum di negara ini bagi mewujudkan keharmonian dalam kehidupan rakyat.

Katanya, penghayatan Islam yang diamalkan Malaysia telah menjadi ramuan kepada pengukuhan perpaduan seperti yang dinikmati negara.

Beliau berkata Islam merupakan agama yang menjamin kesejahteraan umatnya di dunia dan akhirat termasuk menitik berat soal pemerintahan dan pembentukan negara yang merdeka.

Umat Islam juga diseru supaya mengatasi masalah sosial secara bersama dengan menumpukan proses pendidikan dari rumah.

"Kita harus sedar bahawa, kejayaan sesebuah negara bergantung kepada kebahagiaan sesebuah keluarga," katanya.

-- BERNAMA

MRA RV BK